

**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN : IKLAN 34/2018**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a)
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**


Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.

**PEGAWAI EKONOMI KANAN (B.3)
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian II

Sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik** ke dalam Profil awda sebelum menekan butang **'Apply'**;



Kad pengenalan dan Lesen Memandu (Jika berkenaan).

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	Kad Pengenalan.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Lesen Memandu.pdf






SIJIL Degree (Ijazah Sarjana Muda) serta **KELULUSAN TRANSKRIP** yang dikehendaki oleh Skim Iklan dan **PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN KELULUSAN (MKPK)** bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	PHD.pdf
	2016	2016	25/8/2016	MASTER.pdf
	2016	2016	25/8/2016	DEGREE.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HND.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HNC.pdf
	2016	2016	25/8/2016	ND.pdf

Hendaklah ada maklumat bidang kelulusan ("*field*") seperti contoh Business Administration di ruangan yang tersembunyi dengan menekan tanda "+" di sebelah kiri diruangan Bachelor of Arts. jika sekiranya belum diisi maklumat bidang ("*field*"), sila tekan tanda "+add"/"tambah" dibawah kelulusan tersebut dan seterusnya menaip bidang awda seperti contoh Business Administration, Employment Relation dan sebagainya.



	Title of Examination	University/College	Result of Examination	Upload File
  	BACHELOR OF ARTS	Universiti Brunei Darussalam	PASS	DEGREE.pdf
	Field			
	BUSINESS ADMINISTRATION			
	+ Add			



Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sepertimana kehendak skim dan seterusnya memastikan **SIJIL** Kelulusan Tertinggi yang diperolehi berserta **KELULUSAN TRANSCRIPT** (jika berkenaan) dan **PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.





Bagi pemohon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan "*Current Government Employee*"/"Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam". Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).

My Profile

Working Experience

Public and Ex-Government Employee 

Current Government Employee 

	Start Date	To Date	Name And Address of Employer	
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	



1. JAWATAN	: PEGAWAI EKONOMI KANAN
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN	: II
TANGGAGAJI	: B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: DUA (02)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Ekonomi / Pembangunan Dasar Ekonomi dan Antarabangsa / Dasar / Pengurusan Projek / Pentadbiran / Pengurusan Perniagaan / Undang-Undang Perniagaan / Sains Kemasyarakatan (Major dalam bidang Ekonomi) / Undang-Undang atau bidang bersesuaian.

DAN

- b) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Ekonomi atau jawatan sebanding dalam tanggungaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab untuk melaksanakan kerja-kerja nasihat undang-undang (*legal advisory*) yang berkaitan dan seterusnya melaksanakan penyelidikan dan penyiasatan terhadap aduan-aduan mengenai isu persaingan yang diterima pihak berkuasa serta mengadakan kerja-kerja pemberigaaan dalam memastikan kefahaman dan kesedaran orang ramai mengenai manfaat dan implikasi Perintah Persaingan dan mewujudkan *Competition Compliance Culture* di kalangan peniaga-peniaga dan penggubal dasar (*policy makers*) di Negara Brunei Darussalam.



2. Mempromosikan penyelidikan dan Perundangan Persaingan dari aspek undang-undang, ekonomi dan dasar-dasar di Negara Brunei Darussalam.
3. Mengendalikan tugas tertentu secara 'ad-hoc' mengikut arahan yang diberikan oleh pegawai atasan.

DI BAHAGIAN HAL EHWAL PENGGUNA

1. Bertanggungjawab bagi membantu Pengarah dan/atau Penolong Pengarah dalam urusan-urusan pentadbiran, perancangan dan pengurusan hal ehwal pengguna.
2. Menkuatkuasakan dan memantau pelaksanaan dan penguatkuasaan perundangan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar), 2011.
3. Menjalankan rebiu, penyelidikan dan rancangan penambahbaikan terhadap dasar, perundangan dan sistem berkaitan dengan kawalan harga dan perlindungan pengguna.
4. Menyediakan dan melaksanakan program/aktiviti pemberigian yang berkaitan dengan kawalan harga dan hal ehwal pengguna dengan matlamat untuk meningkatkan aktiviti-aktiviti ke arah perkembangan ekonomi dan perdagangan.
5. Menjalankan penyelidikan dan analisa mengenai *trend* perubahan harga serta yang berkaitan dengan hal ehwal pengguna.
6. Mengikuti perkembangan hal ehwal pengguna ke arah meningkatkan kerjasama dengan pengguna, media dan mesyarakat pengguna tempatan dan antarabangsa.

DI BAHAGIAN PERUNDANGAN PERSAINGAN

1. Bertanggungjawab bagi membantu Pengarah dan/atau Penolong Pengarah dalam urusan-urusan pentadbiran, perancangan dan pengurusan hal ehwal persaingan.



2. Mengetuai kumpulan dalam pengendalian serta penyiasatan terhadap aduan-aduan yang diterima mengenai isu persaingan.
3. Mewujudkan sistem dan prosedur kerja bagi melancarkan pelaksanaan undang-undang persaingan.
4. Melaksanakan dan menyediakan bahan-bahan serta kerja-kerja pemberigaan seperti program advokasi dan pendidikan undang-undang persaingan dalam memastikan kefahaman dan kesedaran orang ramai mengenai manfaat dan implikasi Perintah Persaingan 2015 dan mewujudkan persekitaran yang menjurus kepada pematuhan terhadap undang-undang persaingan di kalangan para peniaga dan penggubal dasar (*policy makers*) di Negara Brunei Darussalam.
5. Melaksanakan kerja-kerja dasar dan undang-undang (*policy advisory*) yang berkaitan dengan isu persaingan kepada entiti peniaga dan pihak Kerajaan.
6. Mengurus dan memimpin pegawai-pegawai bawahan dalam kerja-kerja penyelidikan; nasihat undang-undang; penyiasatan terhadap aduan-aduan mengenai isu persaingan dan kerja-kerja pemberigaan.
7. Menjalankan rebiu, penyelidikan, rancangan dan kajian terhadap dasar dan perundangan persaingan serta perkara-perkara yang berpotensi menjejaskan persaingan di pasaran Negara Brunei Darussalam.
8. Menjalankan tugas dan tanggungjawab lain yang diarahkan oleh pihak atasan dari semasa ke semasa.